

17/11/2003

Subramaniam minta tumpu pilihan raya

Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Semua pihak diminta segera menghentikan kontroversi yang timbul antara Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Parti Barisan Progresif India Malaysia (IPF) Datuk MG Pandithan, sebaliknya memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, berkata beliau amat mengharapkan kekalutan dan pertelagahan yang sedang berlaku antara kedua-dua pemimpin parti akan berakhir secepat mungkin demi perpaduan masyarakat India.

"Secara jujur, saya berharap pertelagahan yang membabitkan antara kedua-dua presiden MIC dan IPF tidak akan menjadi punca kepada perpecahan masyarakat India.

"Pada masa sekarang, kita sepatutnya lebih menumpukan persiapan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya umum dan bukannya mencetuskan masalah yang boleh menggugat perpaduan," katanya.

Beliau berkata, pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Pendidikan Pengguna anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di sini, semalam.

Subramaniam yang juga Ahli Parlimen Segamat berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung perang dingin antara Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden IPF, Datuk MG Pandhitan kebelakangan ini.

Ini berikutan Pandhitan mengeluarkan kenyataan yang dianggap celupar terhadap Samy Vellu kerana mendesak Presiden MIC yang sudah berkhidmat hampir 24 tahun itu bersara berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pertikaian itu berterusan apabila Samy Vellu kemudian mendedahkan, Pandithan, memberikan butiran palsu bagi membolehkan seorang penyokongnya, menerima pingat.

Selain itu, tindakan pemimpin negeri dan cawangan kedua-dua parti berbalas laporan polis bagi mendakwa kepincangan dalaman parti turut menghangatkan lagi perang dingin antara MIC dan IPF.

Kelmarin, Ketua Pemuda MIC Selangor, P Subramaniam membuat laporan polis meminta siasatan dilakukan terhadap keahlian dan cawangan IPF yang didakwa sebagai meragukan.

Mengulas laporan polis itu, Subramaniam yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, semua orang boleh membuat tuduhan tetapi kuasa menyiasat masih di bawah bidang kuasa polis.